



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### LIMA TERAS PELAN TINDAKAN PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL KEBANGSAAN (PEKERTI), ELAK GOLONGAN MUDA TERJEBAK TINGKAH LAKU TIDAK SIHAT

**PUTRAJAYA, 8 SEPTEMBER** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, (KPWKM) menggariskan lima teras dalam Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) Tahun 2022-2025 sebagai langkah mengelakkan golongan muda terjebak dengan tingkah laku kesihatan reproduktif dan sosial tidak sihat. Lima teras di bawah pelan PEKERTI merangkumi teras advokasi, promosi dan pencegahan, pembangunan modal insan, penyelidikan dan pembangunan serta pemantauan dan penilaian. PEKERTI dilancarkan YB Datuk Seri Rina Mohd. Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Perdana Nur, KPWKM hari ini.

Dalam ucapan perasmian, YB Datuk Seri Rina Harun berkata, “Pengetahuan masyarakat khususnya golongan remaja mengenai seksual dan reproduktif masih perlu ditingkatkan dari masa ke masa. Saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya dasar dan pelan tindakan ini, pengetahuan mengenai kesihatan reproduktif dan sosial akan mengelakkan golongan muda dari terjebak dalam tingkah laku kesihatan reproduktif dan sosial yang tidak sihat,” katanya.

Pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial merupakan satu proses pembelajaran sepanjang hayat yang merangkumi aspek biologi, sosial, psikologi, kerohanian dan budaya sebagai asas kepada pembangunan insan, keluarga dan negara yang sihat dan sejahtera.

Dasar dan Pelan PEKERTI telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 27 April 2022 ini telah mengambil kira kepelbagaian agama, kumpulan umur, budaya, jantina serta nilai hidup masyarakat di Malaysia. Ia juga selari dengan sasaran Matlamat 5 Pembangunan Mampan (SDG) 2030 iaitu mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa golongan wanita dan kanak-kanak perempuan.

Jawatankuasa Penasihat dan Penyelaras untuk Kesihatan Reprouktif (ACCRH) yang diterajui oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) juga dilihat perlu memainkan peranan yang signifikan dalam membantu memantau serta menilai pelaksanaan dan perkembangan program dan tindakan semua agensi terlibat. Jawatankuasa ini boleh dijadikan sebagai platform untuk agensi peneraju melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan.

“KPWKM akan terus komited dalam melipatgandakan usaha memperkasakan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial dan berharap pendekatan strategi dan aktiviti yang ditetapkan dalam pelan tindakan ini dapat diperluaskan lagi ke seluruh negara untuk dimanfaatkan oleh masyarakat.

Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat akan menyokong usaha murni ini serta memperjuangkan hak kesihatan reproduktif dan sosial khususnya melibatkan generasi muda bagi menjamin keselamatan kanak-kanak dan remaja, seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat” ujar beliau lagi.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh YB. Dato Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Hishamuddin Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM, Dato' Haji Suhaimi Mohd Ghazali Pengurus LPPKN, Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN serta wakil agensi kerajaan, badan antarabangsa, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelajar-pelajar.

####

Disediakan oleh:

**Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**